

Bangunan warisan dikekalkan

Proses pengindahan River Of Life tak jejas produk pelancongan


Oleh Siti Haliza Yusop
shyusop@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Bangunan warisan di sepanjang laluan Sungai Klang dan Sungai Gombak akan dikekalkan walaupun kawasan itu melalui proses pengindahan menerusi 'River of Life' (ROL) iaitu satu daripada projek permulaan (EPP) Greater Kuala Lumpur/Klang Valley' (Greater KL/KV).

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB), Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin yang memberi jaminan mengenainya berkata, proses pengindahan di sepanjang laluan sepanjang 10.7 kilometer itu akan dilakukan selaras kewujudan bangunan warisan di sekelilingnya.

"Penting untuk mengekalkan bangunan warisan yang bernilai ini, apatah lagi ia sebahagian daripada produk pelancongan negara," katanya dalam sidang media di tapak pengindahan ROL di Presint 7, Masjid Jamek, di sini.

Sebelum itu, Nong Chik meluangkan masa melawat tapak projek ROL di Kolam Tadahan Batu; Perangkap Minyak Berpusat Medan Selera Bunga Tanjung, Ampang serta Loji Rawatan Kumbahan Bunus.



RAJA Nong Chik (dua dari kiri) bersama (dari kanan) Ahmad Fuad, Idris, Douglas Uggah Embas dan Zainab berbincang pada Program Lawatan Projek River Of Life di Kuala Lumpur.

Turut menyertai lawatan itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala; Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Uggah Embas dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Ahmad Fuad Ismail.

Selain pengindahan sungai, ROL yang akan mengambil masa sehingga 2021 untuk disempurnakan, akan melalui tiga transfor-

masi utama termasuk pembersihan sungai di sepanjang 110 kilometer laluan Sungai Klang membabitkan kawasan Majlis Perbandaran Selayang (MPS); Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) serta DBKL.

Dalam masa sama, Nong Chik berkata, ia juga akan membabitkan proses pembangunan sungai serta pembersihan bagi meningkatkan

kualiti air di Sungai Klang dan Sungai Gombak daripada kelas III - kelas V sehingga bersesuaian untuk badan bagi pelaksanaan aktiviti riadah.

"Proses pengindahan ini akan mengubah wajah Sungai Klang dan Sungai Gombak menjadi lebih baik, sekali gus meningkatkan nilai hartanah di sekelilingnya sehingga dua ke tiga kali ganda.